

Mizz Nina duta kemanusiaan FKSW

NST 22.1.2018 2

KOTA KINABALU: Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), Universiti Malaysia Sabah (UMS) melantik Shazrina Azman atau lebih dikenali sebagai Mizz Nina sebagai duta kemanusiaan.

Dekan, Prof. Dr. Ismail Ibrahim berkata pelantikan tersebut adalah berdasarkan kepada usaha Mizz Nina yang dilihat banyak memfokuskan kepada misi kemanusiaan.

"FKSW sangat berbesar hati melantik Mizz Nina sebagai duta kemanusiaan fakulti ini kerana usaha beliau dalam memperjuangkan hak kemanusiaan bagi saudara-saudara kita yang dilanda musibah di seluruh dunia," katanya kepada pemberita ketika ditemui dalam sidang media selepas sesi penyerahan watikah perlantikan di Dewan Re-



KENANGAN...Kamarudin, Mizz Nina Bergambar kenangan bersama selepas selesai sesi penyerahan watikah.

sital, FKSW Sabtu lepas.

Dalam pada itu, Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin turut melahirkan rasa bangga dengan perlantikan itu dan beliau

berharap pelbagai misi kehumanian akan dijalankan dengan lebih banyak oleh para pelajar khususnya di FKSW.

"Dengan adanya duta kemanusiaan FKSW hari ini,

saya berbesar hati dan sangat berharap agar lebih banyak aktiviti kemanusiaan diadakan di seluruh universiti dan negeri bagi tujuan membantu golongan yang memerlukan di luar sana.

"Saya yakin, para pelajar FKSW akan lebih bersemangat untuk menyertai pelbagai aktiviti kemanusiaan selepas ini dengan adanya ikon remaja yang menyumbang ke arah pembangunan dan khidmat masyarakat seluruh dunia, iaitu Mizz Nina," katanya.

Mizz Nina yang menerima watilah perlantikan sebagai duta kemanusiaan terdahulu telah mengadakan sesi perkongsian untuk pembangunan para wanita dan disertai oleh pelajar UMS dan orang awam.

- **OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE**